

• Program Putra Uptown 2.0

Bentuk pelajar jadi usahawan muda



.....
CAROLYNE UTIH

BINTULU: Penganjuran program Putra Uptown 2.0 dilihat dapat membentuk usahawan muda yang berdaya saing dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB).

Pengarah Program, Julaika Binti Hassan berkata, program itu bukan sahaja berjaya dari segi aspek pendidikan dan keusahawanan tetapi juga dapat membina hubungan dan perkhidmatan

kepada komuniti dalam kalangan pelajar UPMKB.

"Saya menghargai peluang yang diberikan untuk menganjurkan program ini dan berterima kasih atas keterlibatan serta dedikasi pelajar, baik sebagai peserta mahupun ahli jawatan kecil, dalam menjayakan program ini," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Sementara itu, Penasihat Program, Dr. Sharon Ong Yong Yee berkata, program seumpama juga mampu membentuk pemimpin

masa depan yang berdaya saing dan kreatif.

"Program ini mendapat sambutan pelajar sekali gus memperlihatkan minat yang meningkat dalam bidang keusahawanan.

"Ramai pelajar dan staf UPM turut serta dalam acara jualan ini yang diadakan di tempat parkir Pusat Islam UPMKB, untuk memberi sokongan kepada penjual yang menawarkan pelbagai pilihan makanan, daripada gerai sushi hingga

LAKU KERAS... Antara gerai jualan pelajar, staf UPM dan penjual luar yang menawarkan pelbagai pilihan makanan, daripada gerai sushi hingga corndog dan air balang pada program Putra Uptown 2.0 di tempat parkir Pusat Islam UPMKB.

corndog dan air balang," jelasnya.

Difahamkan, program tersebut merupakan kelanjutan daripada program tahun lalu yang bertujuan untuk memperkenalkan kemahiran keusahawanan praktikal kepada pelajar.

Bagi meningkatkan kemahiran kewangan pelajar, bengkel celik kewangan turut diadakan yang disertai sekitar 50 pelajar, diisi

dengan aktiviti interaktif dan permainan celik kewangan di bawah bimbingan penceramah berpengalaman seperti Penasihat Kewangan dan Timbalan Pengurus Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Bank Negara Malaysia Cawangan Sarawak, Yeo Wee Kiak, serta Naib Presiden Youth Empowerment Club (YEC) Sophia Saging.